KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

10 individu direman kes beri suapan kepada pekerja TNB

SEREMBAN – Dua peniaga direman selama enam hari bagi membantu siasatan selepas disyaki menawarkan rasuah RM75,000 kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menutup aktiviti mencuri bekalan elektrik untuk perlombongan bitcoin di negeri ini tahun lalu.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 49 dan 50 tahun yang bermula semalam itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar, Mas Azmimin Ahmad di Mahkamah Khas Reman Seremban di sini semalam.

Di **Melaka**, dua individu termasuk seorang pengurus syarikat pengiklanan turut direman selama enam hari bagi membantu siasatan berkaitan kes menyogok pegawai TNB bagi kesalahan mencuri bekalan elektrik.

Perintah reman sehingga 7 Mac itu dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Ayer Keroh, Mohamad Izwan Mohamed Noh terhadap kedua-dua suspek yang berusia 33 dan 43 tahun.



SPRM membawa dua peniaga ke Mahkamah Khas Reman Seremban semalam untuk mendapatkan perintah tahanan reman.



DUA individu keluar dari Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam selepas SPRM mendapat perintah reman terhadap kedua-dua suspek.

Jurucakap SPRM negeri berkata, suspek dipercayai memberikan rasuah kepada pegawai-pegawai TNB apabila pemeriksaan yang dijalankan mendapati terdapat sambungan wayar elektrik yang tidak sah di premis terbabit.

"Sambungan peralatan khas atau penebat elektrik itu adalah bagi mengurangkan bayaran elektrik bulanan," katanya.

Di **Ipoh, Perak**, seramai enam lelaki direman selama empat hari mulai semalam bagi membantu siasatan kes sogok pegawai TNB berjumlah RM153,500 bagi melindungi kegiatan mencuri elektrik.

Mereka yang berusia 29 hingga 67 tahun itu dibawa ke Mahkamah Majistret semalam untuk permohonan reman.

Kesemua kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.